HAJI ISMAIL BIN SHAMSUDIN

lwn.

LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA (LPN) & 1 LAGI

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATO' WAN ADNAN BIN ISMAIL H.
[GUAMAN SIVIL NO. RS-22-7-87]
18 NOVEMBER 1993

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN: Penarikan balik jawatan plaintif - Permohonan untuk deklarasi bahawa penarikan balik tersebut adalah batal dan tidak sah - Sama ada perlantikan plaintif sebagai Ketua Pengarah adalah satu kenaikan pangkat - Sama ada Menteri yang berkenaan berkuasa menarik balik perlantikan yang dia telah buat - Pemakaian s. 47 Akta Tafsiran 1967 - Sama ada penamatan perkhidmatan plaintif telah mencabuli Perlembagaan Perseketuan, Artikel 135(2) - Sama ada plaintif telah dibuang kerja - Sama ada plaintif berhak mendapat deklarasi yang dipohon.

Plaintif telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Lembaga Padi Dan Beras Negara (LPN) oleh Menteri Perusahaan Awam. Pada 1 Januari 1985, perlantikan plaintif telah ditarik balik. Selepas penarikan balik perlantikan plaintif, defendan telah menamatkan perkhidmatan plaintif sebagai Pegawai Tadbir LPN dengan memberi 3 bulan notis seperti yang diperuntukan di bawah syarat-syarat surat perlantikan plaintif.

Plaintif telah memohon satu deklarasi bahawa penarikan balik jawatan plaintif sebagai Ketua Pengarah LPN adalah batal dan tidak sah dan juga beberapa deklarasi sampingan yang berbangkit.

Diputuskan:

[1] Perlantikan plaintif sebagai Ketua Pengarah bukanlah satu kenaikan pangkat plaintif dalam LPN. Oleh kerana Jemaah Lembaga tidak mengambil apa-apa tindakan untuk menaikan pangkat plaintif mengikut proses biasa, selepas lantikannya, plaintif terus kekal dipangkatnya di Tingkatan Tertinggi 'E'. Hanya gaji dan kemudahan-kemudahan yang dinikmati oleh pegawai pangkat Tingkatan Tertinggi 'B' sahaja diberi kepada plaintif semasa menyandang jawatan Ketua Pengarah dan adalah tidak salah plaintif dibayar gaji dan diberi kemudahan-kemudahan hakikinya di pangkat Tingkatan Tertinggi 'E' apabila dia tidak lagi menyandang jawatan Ketua Pengarah.

[2] Kuasa untuk melantik Ketua Pengarah diperturunkan di bawah s. 9(1) Akta Lembaga Padi Dan Beras Negara 1971. Walaupun tidak ada peruntukan dalam Akta itu yang memberi kuasa untuk menarik balik perlantikan itu, memandangkan peruntukan s. 47 Akta Tafsiran 1967, Menteri berkenaan berkuasa menarik balik perlantikan yang dibuatnya di bawah s. 9(1).

[3] Plaintif bukanlah seorang pegawai yang berpencen. Mengikut syarat surat perlantikan yang dipersetujui oleh plaintif, perkhidmatannya boleh diberhentikan dengan memberi notis selama tiga bulan. Lembaga melalui suratnya bertarikh 26 September 1986 telah memberi tiga bulan notis penamatan perkhidmatan plaintif, menepati kehendak Perintah Am 60 Bab 'A' dan perenggan 2(d) surat lantikan plaintif.

[4] Oleh yang demikian, plaintif bukan dibuang kerja tetapi perkhidmatannya ditamatkan mengikut perjanjiannya dengan Lembaga. Oleh kerana plaintif tidak dibuang kerja pemakaian Artikel 135(2) Perlembagaan Persekutuan tidak timbul.

[Tuntutan plaintif ditolak dengan kos].

Kes-kes yang dirujuk:

University Council of the Vidyo-Daya University of Ceylon and Ors. lwn. Linus Silva [1965] 1 WLR 77 ***(dirujuk)***

Quek Chek Yen lwn. Majlis Daerah Kulai [1986] 2 MLJ 290 ***(dirujuk)***

Haji Ariffin lwn. Government of Pahang [1969] 1 MLJ 6 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1971, s. 9(1)
Akta Tafsiran 1967, s. 47
Perlembagaan Persekutuan, Artikel 135(2)

Bagi pihak plaintif - Christopher Fernando; T/n. Aris Rizal Christopher Fernando & Co.

Bagi pihak defendan pertama - Mohd. Noor Don; T/n. Mohamed Noor Don & Associates

Bagi pihak defendan kedua - Jalaludin bin Saleh, PKP

ALASAN PENGHAKIMAN

Wan Adnan Bin Ismail H:

Permohonan plaintif ialah untuk satu deklarasi bahawa penarikan balik jawatan plaintif sebagai

Ketua Pengarah, Lembaga Padi Dan Beras Negara adalah batal dan tidak sah dan juga beberapa deklarasi yang berbangkit seperti tercatit dalam writ samannya.

Plaintif mula berkhidmat dengan Lembaga Padi dan Beras Negara Malaysia (Lembaga) sebagai Pengarah (Tingkatan Tertinggi G) pada 6 Disember 1972 selepas menerima tawaran yang terkandung dalam surat Lembaga bertarikh 26 Oktober 1972. Syarat-syarat perlantikan adalah dinyatakan dalam surat itu. Syarat 2 (d) & (e) adalah seperti berikut:

(d) Semasa di-dalam tempoh perchubaan, tuan/xxxx boleh diberhentikan kerja bila2 masa sahaja dengan memberi sebulan notis atau sebaliknya sebulan gaji, dan dengan tidak di-beri apa2 sebab. Tuan/xxxx boleh juga berhenti kerja dengan memberi sebulan notis atau pun sebulan gaji. Setelah jawatan tuan/xxxx di-sahkan dan tuan/xxxx hendak berhenti atau sebaliknya diberhentikan kerja, kedua-dua pehak ada-lah di-kehendaki memberi notis tiga bulan atau pun sebulan gaji.

(e) Juga perlantekan tuan/xxxx ada-lah tertaklok kapada Perentah 'Am Lembaga, Surat2 Pekelilingan dan lain2 arahan2 pejabat yang akan di-keluarkan dari masa ke-semasa berhubong dengan kerja, kelakuan dan sharat2 perkhidmatan Pegawai2 di-Lembaga.

Daripada jawatan Tingkatan Tertinggi G dia telah dinaikkan pangkat kepada jawatan Tingkatan Tertinggi F dan pada tahun 1978 dia dinaikkan pangkat kepada Timbalan Ketua Pengarah (Tingkatan Tertinggi E). Mengikut Encik Lani bin Keling (DW1) Pengarah Pentadbiran Lembaga, kenaikan-kenaikan pangkat itu adalah mengikut sistem kenaikan pangkat yang diamalkan oleh Lembaga, iaitu Jemaah Lembaga meluluskan kenaikan pangkat selepas menimbang laporan prestasi kerja dan laporan tahunan. Melalui surat bertarikh 5 Mac1980 Y.B. Menteri Perusahaan Awam melantik Plaintif sebagai Ketua Pengarah mulai 15 Mac 1980. Jawatan ini adalah jawatan Tingkatan Tertinggi B. Y.B. Menteri membuat perlantikan itu dengan menggunakan kuasa yang diberi kepadanya oleh s. 9(1) Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1971 yang peruntukannya adalah seperti berikut:

9(1) Ketua Pengarah yang akan dilantik oleh Menteri hendaklah bertanggungjawab atas pentadbiran dan pengurusan hari ke sehari hal ehwal Lembaga dan hendaklah menjalankan apa-apa kewajipan dan kuasa sebagaimana yang diamanah atau diwakilkan oleh Lembaga atau Pengerusi Lembaga apabila bertindak bagi pihak Lembaga.

Perlantikan itu telah dimaklumkan kepada Jemaah Lembaga melalui Kertas Kerja No. 7/80 dan Jemaah membuat keputusan seperti berikut:

17/80 Perlantikan En. Ismail b. Shamsudin sebagai Ketua Pengarah Lembaga Padi dan Beras Negara
Kertaskerja Lembaga No. 7/80

Fail: LPN/R-21/189)

Jemaah Lembaga telah dimaklumkan diatas perlantikan Encik Ismail b. Shamsudin oleh Y.B. Menteri Perusahaan Awam mengikut Akta LPN sebagai Ketua Pengarah LPN yang berkuatkuasa mulai 15 Mac 1980 dan Jawatankuasa telah bersetuju mengenai pembayaran gaji dan kemudahan-kemudahan yang akan diperolehi mengikut tingkatan hakiki jawatan Ketua Pengarah yang telah diluluskan di dalam peruntukan perjawatan Lembaga ini.

Perlantikan ini bukanlah kenaikan pangkat biasa dalam LPN. Ini diakui sendiri oleh plaintif dalam keterangannya yang berikut:

Daripada 'E' saya dilantik kepada 'Superscale B'sebagai Ketua Pengarah. Perlantikan ini dibuat oleh Menteri yang berkenaan pada masa itu. Jawatan ini adalah lantikan daripada Menteri. Ia bukan kenaikan pangkat biasa dalam LPN.

Melalui surat bertarikh 12 Disember 1984 Pengerusi Lembaga memberitahu plaintif bahawa permohonannya untuk cuti belajar di dalam bidang MBA dengan bergaji penuh telah dipersetujui oleh Jemaah Lembaga. Cuti yang dibenarkan ialah selama 2 tahun mulai 1 Mac 1985 dan dalam tempoh itu dia ditukarkan ke Kementerian Perusahaan Awam untuk menduduki jawatan tambahsentara.

Pada 13 Disember 1984 Y.B. Menteri Perusahaan Awam menulis surat kepada plaintif seperti berikut:

Tuan,

Menarik Balik Perlantikan sebagai Ketua Pengarah Lembaga Padi dan Beras Negara.

Dengan kuasa yang ada pada saya di bawah s. 9/(1) Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1971 dibaca bersama

s. 47 Akta Tafsiran 1967, saya dengan ini memberi notis bahawa mulai dari tarikh 1 Januari 1985 perlantikan tuan sebagai Ketua Pengarah ditarik balik.

Sekian.

Surat ini diterima oleh plaintif pada 2 Januari 1985.

Berikutan daripada penarikan balik jawatan itu oleh Y.B. Menteri, plaintif telah dikembalikan ke taraf jawatan asalnya sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarah. Plaintif telah diberi penjelasan berkenaan hal ini melalui surat Lembaga kepadanya bertarikh 13 Februari 1985 seperti berikut:

Tuan,

Pengembalian Ke Taraf Jawatan Hakiki

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan berikutan dengan keputusan Y.B. Menteri Perusahaan Awam menarik balik perlantikan tuan sebagai Ketua Pengarah LPN mulai 1 Januari 1985, Jemaah Lembaga dalam mesyuaratnya pada 22 Januari 1985 telah membuat keputusan mengembalikan tuan ke taraf jawatan asal tuan sebelum dilantik menjadi Ketua Pengarah Lembaga Padi dan Beras Negara iaitu jawatan Pegawai Tadbir LPN Tingkatan Tertinggi E (A-08) mulai 1 Januari 1985. Oleh itu selaras dengan keputusan ini semua kemudahan-kemudahan yang dinikmati oleh tuan sebagai Ketua Pengarah adalah ditarik balik mulai dari tarikh yang sama. Ini termasuklah kemudahan-kemudahan seperti kereta pejabat, pemandu dan lain-lain.

Pada 26 September 1986 Pengerusi Lembaga menulis kepada plaintif seperti berikut:

Tuan,

Penamatan Perkhidmatan Tuan Haji Ismail Bin Shamsudin,
Pegawai Tadbir LPN, Tingkatan Tertinggi 'E' (Gred A8)

Saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan memaklumkan kepada tuan bahawa Lembaga Padi dan Beras Negara dalam mesyuaratnya yang diadakan pada 16 September 1986 hingga 17 September 1986 telah mengambil keputusan untuk menamatkan perkhidmatan tuan sebagai Pegawai Tadbir LPN dengan memberi tuan tiga (3) bulan notis penamatan perkhidmatan mulai 1 Oktober 1986 di bawah perenggan 2(d) surat perlantikan tuan Bil.(5)dlm. LPN/S-169 bertarikh 26 Oktober 1972 dan di bawah Perintah Am 60 Bab 'A' dalam Perintah-Perintah Am yang telah diterima pakai oleh Lembaga Padi dan Beras Negara dan adalah terpakai kepada tuan menurut kuasa perenggan 2(e) surat perlantikan tersebut itu.

2. Tuan adalah dengan ini diberi tiga (3) bulan notis penamatan perkhidmatan sebagai Pegawai Tadbir LPN mulai 1 Oktober 1986 di bawah syarat-syarat surat perlantikan tuan yang disebut dalam perenggan terdahulu dan di bawah peruntukan Perintah Am 60 Bab'A'. Perkhidmatan tuan sebagai Pegawai Tadbir LPN adalah dengan ini ditamatkan bermula dari 1 Januari 1987.

Satu fakta yang perlu diingat ialah bahawa plaintif bukanlah seorang pegawai Lembaga yang berpencen. Dia sendiri akui bahawa apabila tawaran pilihan diberi kepadanya dia pilih untuk terus mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Juga tidak dipertikaikan bahawa Perintah-Perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Bab 'D' dan Perintah-Perintah Am Bab 'A' (Lantikan dan Kenaikan Pangkat) telah diterima pakai oleh Lembaga. Plaintif juga tidak nafikan bahawa daripada 1 Januari 1985 sehingga tarikh perkhidmatannya ditamatkan pada 1 Januari 1987 dia telah terima gaji dan kemudahan-kemudahan pegawai jawatan Tingkatan Tertinggi 'E' dengan sepenuhnya.

Adalah menjadi hujah plaintif bahawa perlantikannya sebagai Ketua Pengarah adalah satu kenaikan pangkat daripada jawatan Tingkatan Tertinggi 'E' kepada 'B'. Mengikut Peguamnya yang bijaksana, oleh kerana plaintif sebelum perlantikan itu adalah Timbalan Ketua Pengarah, perlantikannya mestilah satu kenaikan pangkat. Sudah tentu sebelum dia dilantik dia telah didapati pegawai yang cekap dan sesuai untuk jawatan Ketua Pengarah.

Adalah pendapat saya bahawa perlantikan plaintif oleh Y.B. Menteri sebagai Ketua Pengarah bukanlah satu kenaikan pangkat plaintif. Plaintif adalah seorang pegawai Lembaga yang tertakluk kepada aturan dan peraturan kenaikan pangkat yang ditetap dan diamalkan oleh Lembaga. Kuasa menaikkan pangkat pegawai-pegawai Lembaga hanya berada kepada Jemaah Lembaga. Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1971 memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik sesiapa saja untuk menyandang jawatan Ketua

Pengarah. Ini haknya dan dia boleh melantik sesiapa saja tidak semestinya daripada pegawai-pegawai Lembaga. Sekurang-kurangnya dua Ketua Pengarah sebelum plaintif adalah 'orang luar'.

Selepas perlantikan dibuat oleh Menteri perkara itu hanya dibawa kepada Jemaah Lembaga sebagai makluman saja. Kertas Kerja 7/80 bertarikh 18 Mei 1980 yang dikemukakan kepada Jemaah bermula seperti berikut:

> *Tujuan*
>
> Kertaskerja ini adalah untuk memaklumkan kepada Jemaah Lembaga diatas perlantikan Encik Ismail bin Shamsudin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Tingkatan Tertinggi 'E' sebagai Ketua Pengarah, Lembaga Padi dan Beras Negara mulai 15 March 1980.
>
> *Penutup*
>
> Dengan ini Jemaah Lembaga adalah dengan hormatnya **dimaklumkan** diatas perlantikan Encik Ismail bin Shamsudin oleh Y.B. Menteri Perusahaan Awam mengikut Akta LPN sebagai Ketua Pengarah, Lembaga Padi dan Beras Negara.

Jemaah Lembaga membuat keputusan seperti dinyatakan di atas tadi.

Jelas tidak ada keputusan kenaikan pangkat plaintif daripada Tingkatan Tertinggi 'E' kepada 'B' dibuat oleh Jemaah Lembaga. Perkara itu tidak berbangkit langsung. Jemaah hanya mengambil maklum tentang lantikan itu dan hanya bersetuju mengenai gaji dan kemudahan yang patut diberi kepada plaintif.

Apabila plaintif dinaikkan pangkat daripada Tingkatan Tertinggi 'G' kepada 'F' dan daripada 'F' kepada 'E' proses biasa untuk kenaikan pangkat telah diambil dan kenaikan pangkat itu telah dicatitkan sebagai kenaikan pangkat dalam Rekod Perkhidmatan Dan Cuti plaintif (Ex. P1). Tapi apabila dia dilantik sebagai Ketua Pengarah, catitan ialah "Dilantik". Ini, mengikut DW1, "Tidak dicatit "Kenaikan Pangkat "kerana tidak melalui proses kenaikan pangkat."

Oleh kerana lantikan itu bukanlah kenaikan pangkat dan Jemaah Lembaga selepas itu tidak ambil apa-apa tindakan untuk menaikkan pangkat plaintif mengikut proses biasa, plaintif terus kekal di pangkatnya di Tingkatan Tertinggi 'E'. Hanya gaji dan kemudahan-kemudahan yang dinikmati oleh pegawai pangkat Tingkatan Tertinggi 'B' saja diberi kepada plaintif semasa menyandang jawatan Ketua Pengarah. Oleh yang demikian apabila Y.B. Menteri menarik balik lantikan itu dia tidak berhak lagi kepada gaji dan kemudahan-kemudahan itu. Justeru itu tidaklah salah plaintif dibayar gaji dan diberi kemudahan-kemudahan hakikinya di pangkat Tingkatan Tertinggi 'E' apabila dia tidak lagi menyandang jawatan Ketua Pengarah.

Adakah Menteri berkuasa untuk menarik balik perlantikan yang dia telah buat?

Kuasa untuk melantik diperuntukkan di bawah s. 9(1) Akta itu. Tidak ada peruntukan dalam Akta itu yang memberi kuasa untuk menarik balik perlantikan itu. Tetapi Akta Tafsiran 1967 ada membuat peruntukan di bawah s. 47 seperti berikut:

> 47. Where a power to make an appointment is conferred by any written law, the appointing authority shall also have power (subject to any limitations or qualifications which affect the power of appointment) to remove, suspend, reappoint or re-instate any person appointed in the exercise of the power.

Pada pendapat saya Menteri berkuasa dengan menggunakan peruntukan ini untuk menarik balik perlantikan yang dibuat di bawah s. 9(1) Akta itu.

Adakah Lembaga berkuasa untuk menamatkan perkhidmatan plaintif sebagai Pegawai Tadbir LPN?

Peguam yang bijaksana bagi pihak Lembaga berhujah bahawa Lembaga ada kuasa di bawah perenggan 2(d) surat perlantikan bertarikh 26 Oktober 1972 dan di bawah Perintah Am 60 Bab 'A'.

Perenggan 2(d) telah dinyatakan di atas. Perintah Am 60 Bab 'A' adalah seperti berikut:

> 60. Walau apa pun perbekalan lain dalam bab ini, Kerajaan boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai yang bukan dalam perjawatan berpencen dengan memberi notis yang sesuai dengan syarat-syarat perlantikannya termasuk notis-notis penamatan jawatan seperti dalam Perintah Am ini. Dalam hal pegawai-pegawai sementara dan pegawai-pegawai bukan di dalam perjawatan berpencen yang lain, tempoh ini ialah 3 bulan jika mereka telah berkhidmat lebih daripada satu tahun; dan satu bulan jika mereka berkhidmat kurang daripada satu tahun. Dalam kedua-dua hal Kerajaan boleh menamatkan perkhidmatan

mereka dengan serta merta dan tanpa memberi apa-apa sebab dengan membayar sebulan gaji sebagai pengganti notis.

Lembaga melalui surat yang bertarikh 26 September 1986 telah memberi tiga (3) bulan notis penamatan perkhidmatan menepati kehendak Perintah Am 60. Plaintif ialah seorang pegawai yang bukan dalam perjawatan berpencen. Syarat perenggan 2(d) surat lantikan juga boleh plaintif diberhentikan dengan memberi notis tiga bulan.

Saya bersetuju bahawa perkhidmatan plaintif sebagai Pegawai Tadbir LPN boleh ditamatkan oleh Lembaga di bawah Perintah Am 60 Bab 'A' dan di perenggan 2(d) syarat perlantikan.

Hujah Peguam plaintif ialah Artikel 135(2) Perlembagaan Persekutuan adalah terpakai dalam perkara ini. Artikel itu adalah seperti berikut:

135. Sekatan mengenai pembuangan kerja dan penurunan pangkat.

(2) Tiada seseorang anggota mana-mana perkhidmatan yang tersebut di atas itu boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat dengan tidak diberi peluang yang munasabah untuk didengar:

Mengikutnya dua perkara telah dilakukan terhadap plaintif:

(1) Plaintif telah diturunkan pangkat daripada pangkat Tingkatan Tertinggi 'B' kepada 'E' apabila perlantikannya sebagai Ketua Pengarah ditarik balik oleh Menteri.
(2) Plaintif telah dibuang kerja.

Oleh kerana plaintif telah tidak diberi peluang yang munasabah untuk membela diri, Artikel 135(2) telah dicabuli. Prinsip-Prinsip Keadilan Asasi tidak dipatuhi. Justeru itu penurunan pangkat dan pembuangan kerja tidak sah.

Saya telah nyatakan di atas bahawa perlantikan Plaintif sebagai Ketua Pengarah oleh Menteri bukanlah satu kenaikan pangkat. Oleh itu tidak timbul penurunan pangkat Plaintif daripada Tingkatan Tertinggi 'B' kepada 'E'.

Pada pandangan saya plaintif juga tidak dibuang kerja. Oleh itu Artikel 135(2) tidak timbul.

Seperti yang saya nyatakan di atas plaintif bukanlah seorang pegawai berpencen. Mengikut syarat surat perlantikan yang dipersetujui oleh plaintif, perkhidmatannya boleh diberhentikan dengan memberi notis selama tiga bulan. Dia bukan dibuang kerja tapi perkhidmatannya ditamatkan mengikut perjanjiannya dengan Lembaga.

Privy Council dalam kes *University Council of the Vidyo-Daya University of Ceylon and Ors. lwn. Linus Silva* [1965] 1 WLR 77 berkata:

> The law is well settled that if, where there is an ordinary contractual relationship of master and servant, the master terminates the contract the servant cannot obtain an order of *certiorari*. If the master rightfully ends the contract there can be no complaint: if the master wrongfully ends the contract then the servant can pursue a claim for damages.

Dalam kes *Quek Chek Yen lwn. Majlis Daerah Kulai* [1986] 2 MLJ 290 di mana perayu memohon satu deklarasi bahawa pemecatannya sebagai Setiausaha Majlis batal dan tidak sah, Mahkamah Agung berpendapat:

> In our view the relationship between the appellant and The Kulai Local Council in this case was solely contractual. In the absence of any other evidence the implied term of the contract was that the employment could be terminated by giving reasonable notice.
>
> The law is clear that in the absence of expressed stipulation a contract of employment is dertiminable by reasonable notice.

Dalam kes *Haji Ariffin lwn. Goverment of Pahang* [1969] 1 MLJ 6, fakta-fakta adalah seperti berikut:

> The plaintiff was appointed Kathi in Chenor in 1956, that is, before the coming into force of the Federal Constitution on Merdeka Day (31 August 1957). Prior to his appointment he had been sent a letter dated 23 February 1956, offering him appointment as Kathi in the Mukim of Chenor on certain conditions. The fourth and eighth conditions are relevent. The fourth condition states:
>
> 'That your engagement will be terminable at one month's notice, or on payment of one month's salary plus cost of living allowance in lieu of notice on either side, provided that, if your service is dispensed with on the ground of unfitness certified by a medical board, no notice shall be required.

The eighth condition reads:

> That in so far as they are relevent to the duties of your appointment and to your

employment as a public servant, you will, throughout such employment, comply with the provision of the General Orders applicable to your employment within the Federation of Malaya.

The plaintiff accepted the appointment on these conditions.

Mahkamah Persekutuan memberi pendapat seperti berikut:

While it is true that the Kathi whose service is terminated under such a contract has lost a steady job, the termination does not involve a penalty or punishment so as to make it a dismissal within the meaning of Article 135(2) of the Constitution and it is not, therefore, necessary first to give him a reasonable opportunity of being heard. Dismissal as used in the public service is not any termination of service -- it has special meaning and involves a penalty or punishment.

Tuntutan plaintif ditolak dengan kos.

LINGGAM A/L SUNDARAJOO

lwn.

MAJLIS AGAMA NEGERI KEDAH DARULAMAN

MAHKAMAH TINGGI, ALOR SETAR
TUAN MOHD NOOR BIN HAJI ABDULLAH PK
[SAMAN PEMULA NO.24-628-93]
7 OGOS 1993

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN : Permohonan untuk deklarasi - Simati dikatakan telah memeluk agama Islam - Plaintif mengatakan simati menghidap penyakit jiwa semasa ia diislamkan - Sama ada simati mempunyai akal fikiran yang waras atau sempurna semasa ia memeluk agama Islam - Sama ada peruntukan Enekmen Undang-Undang Pentadbiran Islam 1962 atau peraturannya mengenai simati memeluk agama Islam dipatuhi sepenuhnya.

Dalam kes ini mayat simati diperebutkan oleh keluarganya, yang mendesak bahawa simati semasa hayatnya adalah penganut agama Hindu, dan Majlis Agama Islam, Kedah (MAIK), yang menggatakan bahawa simati adalah seorang Islam yang telah memeluk agama Islam pada 18 Mei 1993.

Plaintif, adik simati, telah memfailkan tindakan untuk injunksi melarang MAIK dari mengambil keluar mayat simati dari hospital ataupun mengkebumikannya dan untuk pengisytiharan, bahawa simati adalah seorang penganut agama Hindu seumur hidupnya termasuk ketika ia mati dan bahawa Enekmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Kedah 1962 dan peraturan di bawahnya tidak membenarkan seorang bukan Islam yang menghidap penyakit jiwa tukar kepada agama Islam.

Keterangan pihak plaintif ialah bahawa simati telah dimasukkan ke wad sakit jiwa Hospital Besar Alor Setar setelah dia didapati berceloteh, bercakap besar, menjerit kepada anak-anak, mengganggu orang lain dan berkelakuan tidak senonoh. Doktor yang merawat simati di hospital (SP1) telah memberi keterangan bagi pihak plaintif dan mengatakan bahawa simati diserang penyakit hypomania dan mengatakan seterusnya bahawa selagi pesakit hypomania tidak mendapat rawatan, ia tidak akan dapat mengawal fikirannya dan fikirannya adalah tidak waras.